# PENGARUH MOTIVASI DAN KESANNYA TERHADAP PRESTASI AKADEMIK: TINJAUAN TERHADAP PELAJAR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL SESI 1999/2000 KUiTTHO

MUHAMMAD ASHLYZAN BIN RAZIK

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# DEDIKASI

Wadah ilmu ini dititipkan khas buat :

*Ayahanda Haji Razik Bin Sulong dan Bonda Hajjah Maznah Binti Endut serta adik beradik iaitu Rosli, Azmi, Aini, Rajni, Roslina, Mohd Ramdzan dan Mohd Aliff. Sesungguhnya kerana kalianlah abang dapat mengharungi ilmu sejauh ini dengan bantuan dan budi yang mungkin tak dapat abang balas dan semoga pengorbanan kalian mendapat keberkatan Yang Maha Esa dalam mengharungi nikmat penghidupan yang lebih baik.*

Tidak lupa juga kepada......

*Tunang tersayang, Nor Linda Binti Mohd Rozar yang tidak putus-putus memberi semangat dan sumber inspirasi dalam menyiapkan Projek Sarjana ini.*

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdullilah, dengan rahmat dan keizinan-Nya penulis telah berjaya menghasilkan satu kajian yang bertajuk PENGARUH MOTIVASI DAN KESANNYA TERHADAP PRESTASI AKADEMIK: TINJAUAN TERHADAP PELAJAR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL SESI 1999/2000 KUiTTHO. Berkat sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak, maka kajian ini dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, En Mohd Salleh Bin Tahar di atas segala tunjuk ajar, komentar dan dorongan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini.

Sejuta penghargaan juga ditujukan kepada kawan-kawan dan teman serumah serta pelajar sarjana KUiTTHO yang tidak putus-putus memberikan semangat dan dorongan dalam menyiapkan projek sarjana ini.

Akhirnya, ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari-Nya.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## ABSTRAK

Laporan Projek Sarjana ini mempersembahkan hasil kajian yang bertajuk 'PENGARUH MOTIVASI DAN KESANNYA TERHADAP PRESTASI AKADEMIK'. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan faktor-faktor yang signifikan dalam penentuan prestasi akademik pelajar (faktor dalaman, luaran dan persekitaran) dengan prestasi akademik yang diukur melalui Purata Markah Keseluruhan atau CGPA. Sampel kajian adalah seramai 60 orang pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal sesi 1999/2000 KUiTTHO. Kajian adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan sejenis instrumen kajian dalam mendapatkan data iaitu borang soal selidik. Kesemua data dianalisis dan dikemukakan dalam bentuk analisis statistik secara deskriptif dan secara inferensi. Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan antara setiap pembolehubah. Terdapat tiga faktor utama yang dikaji iaitu faktor dalaman(min=3.6), faktor luaran(min=3.7) dan faktor persekitaran (min=2.9). Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga tiga faktor tersebut mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi akademik. Faktor dalaman yang paling memberi hubungan yang signifikan dalam prestasi akademik dengan 0.795, faktor luaran 0.650 dan faktor persekitaran 0. 339. Di akhir kajian ini, pengkaji mencadangkan agar (i) Mengadakan banyak Kem Motivasi, (ii) Peningkatan cara pengajaran pensyarah, (iii) Penyediaan peralatan pembelajaran yang mencukupi, (iv) Sumber rujukan seperti buku dan majalah di Perpustakaan mesti mencukupi.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## ABSTRACT

This Projek Sarjana's report represents a research about "THE INFLUENCE OF MOTIVATION AND IT'S EFFECT ON ACADEMIC PERFORMANCE". The purpose of this research is to identify the relationships between contributing factors ( internal factor, external and environmental ) and students academic performance measured by using the CGPA. A sample of 60 Mechanical Engineering Degree students from KUiTTHO was chosen. The research was done based on a survey study. All the data gathered was analysed and presented in a descriptive and inferential method. The pearson correlation was used to see the relationship between every variables. Three main factors that have been studied were Internal factor (mean = 3.6), external factor (mean = 3.7) and the environmental factor (mean = 2.9). Research findings showed that all three factors have a positive relationship with the academic performance and the internal factor being the most significant factor (0.795) as compared to the external factor (0.650) and environmental factor (0.339). The study has given several recommendation at the end of the research such as having more motivational camps and upgrading teaching method.

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# KANDUNGAN


| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA | |
| | HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA | |
| | HALAMAN JUDUL | i |
| | HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK | ii |
| | HALAMAN DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xiii |
| | SENARAI RAJAH | xiv |
| | SENARAI SINGKATAN | xv |
| | SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| **BAB I** | **PENGENALAN** | |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Latar belakang Masalah | 3 |
| | 1.3 Penyataan Masalah | 4 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 5 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 5 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 1.6 | Hipotesis | 6 |
| | 1.7 | Kepentingan Kajian | 6 |
| | 1.8 | Batasan Kajian | 7 |
| | 1.9 | Definisi Konseptual Dan Pengoperasian | |
| | | 1.9.1 Pengaruh | 7 |
| | | 1.9.2 Motivasi | 7 |
| | | 1.9.3 Kesan | 8 |
| | | 1.9.4 Prestasi | 8 |
| | | 1.9.5 Pelajar | 9 |
| **BAB II** | **SOROTAN KAJIAN** | | |
| | 2.1 | Pendahuluan | 10 |
| | 2.2 | Teori dan Model Motivasi. | 11 |
| | 2.3 | Sorotan Kajian Faktor Dalaman | 11 |
| | | 2.3.1 Teori Keinginan Pencapaian | 13 |
| | | 2.3.2 Model Teori Harapan | 14 |
| | | 2.3.3 Model Penetapan Matlamat | 14 |
| | | 2.3.4 Teori Pelaziman Operan | 15 |
| | | 2.3.5 Teori Pembelajaran Sosial | 17 |
| | 2.4 | Kajian-Kajian Lepas yang menyokong kepada faktor luaran dan persekitaran | 18 |
| | | 2.4.1 Keadaan Fizikal | 18 |
| | | 2.4.2 Hubungan Dalam Rumah dan Keluarga | 19 |
| | | 2.4.3 Keadaan Keperibadian | 19 |
| | | 2.4.4 Kehidupan Kepercayaan dan Keagamaan | 20 |
| | | 2.4.5 Keadaan Sosial | 21 |
| | 2.5 | Rumusan Kajian Lepas | 21 |
| | | 2.5.1 Keluarga | 21 |

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

2.5.2 Pensyarah 22
2.5.3 Rakan Sebaya 24
2.5.4 Persekitaran 24

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan 27
3.2 Rekabentuk Kajian 27
3.3 Paradigma Penyelidikan 28
3.4 Sampel Kajian 29
3.5 Tatacara Kajian 30
3.6 Pengumpulan Data 31
3.7 Instrumen Kajian 31
3.8 Kaedah Penganalisan Data 33
3.9 Andaian Kajian 35
3.10 Kajian Rintis 36

**BAB IV ANALISIS DATA**

4.1 Pendahuluan 37
4.2 Analisis Bahagian A 38
4.2.1 Jantina 38
4.2.2 Keturunan 39
4.2.3 Tahun Pengajian 39
4.2.4 Keputusan CGPA 38
4.3 Analisis Bahagian B 41
4.3.1 Analisis Data Antara Tiga Pembolehubah Dengan Prestasi Akademik 42
4.3.2 Analisis Min Dan Sisihan Piawai 42

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

4.3.3 Min Keseluruhan Skor Responden 43
4.3.4 Analisis Hubungan Antara Ketiga-tiga Pembolehubah dengan Prestasi Akademik 44

**BAB V PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pendahuluan 48
5.2 Perbincangan 49
5.2.1 Analisis Data dan kaitan antara tiga pembolehubah dengan prestasi akademik 49
5.2.2 Perbincangan Bagi Faktor Dalaman 50
5.2.2.1 Semangat 51
5.2.2.2 Matlamat 51
5.2.2.3 Sikap 52
5.2.2.4 Keazaman 53
5.2.2.5 Emosi 53
5.2.2.6 Imej Diri 54
5.2.2.7 Keyakinan Diri 55
5.2.3 Perbincangan Bagi Faktor Luaran 56
5.2.3.1 Keluarga 56
5.2.3.2 Pensyarah 57
5.2.3.3 Rakan Sebaya 58
5.2.4 Perbincangan Bagi Faktor Persekitaran 59
5.3 Cadangan 60
5.4 Kesimpulan 61

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**BAB VI HASIL PRODUK**


6.1 Pendahuluan 63
6.2 Latar Belakang Teori Penghasilan Produk 64
6.3 Objektif Produk 64
6.4 Kegunaan Produk 65
6.5 Kelebihan Produk 65
6.6 Bentuk Dan Ciri- Ciri Produk 65
6.7 Kronologi Produk 66
6.7.1 Kenalpasti Produk 68
6.7.2 Penetapan Objektif 68
6.7.3 Kajian Literatur 68
6.7.4 Penetapan Kaedah Kajian 69
6.7.5 Pengumpulan Data 69
6.7.6 Analisis Data 69
6.7.7 Penghasilan Produk 70
6.7.7.1 Tujuan atau Objektif 70
6.7.7.2 Masa 70
6.7.7.3 Pengorbanan 71
6.7.7.4 Halangan 71
6.7.7.5 Menetapkan Matlamat 71
6.8 Kekangan Dalam Membangunkan Produk 73
6.9 Penutup 74


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI DOKUMEN RUJUKAN** 74-80

**SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A-J 81-107

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|


| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 3.1 | Skala likert | 33 |
| 3.2 | Guilford's Rule Of Thumbs | 35 |
| 4.1 | Bilangan responden mengikut jantina | 38 |
| 4.2 | Kekerapan Mengikut Bangsa | 39 |
| 4.3 | Kekerapan CGPA | 40 |
| 4.4 | Skala Dan Keputusan Analisis | 41 |
| 4.5 | Jadual Tahap Kecenderungan | 41 |
| 4.6 | Analisis Min dan Sisihan Piawai Bagi Faktor Dalaman Pelajar, Faktor Luaran Pelajar Dan Persekitaran Pelajar | 42 |
| 4.7 | Min Keseluruhan Skor Responden | 43 |
| 4.8 | Guilfords Rule Of Thumbs | 44 |
| 4.9 | Jadual Korelasi hubungan Antara Faktor dalaman dengan Prestasi Akademik | 45 |
| 4.10 | Jadual Korelasi hubungan Antara Faktor Luaran dengan Prestasi Akademik | 46 |
| 4.11 | Jadual Korelasi hubungan Antara Faktor Persekitaran dengan Prestasi Akademik | 47 |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH


| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 2.1 | Model Teori Harapan | 15 |
| 2.2 | Model Teori Penetapan Matlamat | 16 |
| 2.3 | Model Teori Penetapan Matlamat Locke | 17 |
| 2.4 | Model Kajian Yang Akan Digunakan Oleh Pengkaji | 27 |
| 3.1 | Paradigma Penyelidikan | 28 |
| 3.2 | Tatacara Kajian | 30 |
| 6.1 | Carta Alir Kronologi Pembinaan Produk | 69 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| CGPA | - | Purata Markah Keseluruhan Semester |
| IPT | - | Institut Pengajian Tinggi |
| IQ | - | Intelligent Quote |
| KUiTTHO | - | Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn |
| nACH | - | Need To Achieve |
| PPM | - | Pelan Perancangan Matlamat |
| SPSS | - | Statistical Program For Social Sciences |
| TAT | - | Thematic Apperception Test |
| UUM | - | Universiti Utara Malaysia |

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI LAMPIRAN


| LAMPIRAN | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| A | Borang Soal Selidik | 81 |
| B | Analisis Skor Alpha Cronbach Kajian Rintis | 87 |
| C | Analisis Skor Alpha Cronbach Kajian Sebenar | 88 |
| D | Analisis Korelasi Faktor Dalaman | 91 |
| E | Analisis Korelasi Faktor Luaran | 92 |
| F | Analisis Korelasi Faktor Persekitaran | 93 |
| G | Analisis Min Skor Bagi Faktor Dalaman | 94 |
| H | Analisis Min Skor Bagi Faktor Luaran | 95 |
| I | Analisis Min Skor Bagi Faktor Persekitaran | 96 |
| J | Produk Pelan Perancangan Matlamat | 97 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB I

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB I

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Motivasi amat penting dalam kehidupan kerana ianya bertindak sebagai penggerak fikiran, hati dan seluruh badan seseorang untuk melakukan pekerjaan, tugas tanggungjawab ataupun apa sahaja yang ingin dilakukan. Menurut Saedah (1994), motivasi boleh diertikan sebagai penggerak atau pendorong kepada kehidupan. Ia boleh timbul dari berbagai-bagai unsur seperti keimanan dan ketakwaan seseorang individu, kasih sayang ibu-bapa serta keupayaan memilih unsur positif dalam kehidupan.

Menurut Aiza Shairyna (2000), motivasi merupakan kembar siam kepada proses pendidikan dan sahabat setia orang-orang yang cemerlang dan berprestasi tinggi. Ini kerana ia bertindak sebagai api yang membakar semangat juang setiap individu. Di sinilah timbulnya persoalan samaada pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi juga mempunyai prestasi akademik yang tinggi. Kajian telah dibuat oleh Urusetia Kaunselor Rakan Sebaya, Universiti Utara Malaysia (UUM) (2000) terhadap pelajar-pelajar yang mempunyai Purata Markah Keseluruhan (CGPA) 3.0 ke atas di Kolej Mas UUM menunjukkan (55 %) pelajar yang mempunyai CGPA melebihi 3.0 mengamalkan pembelajaran *'last minutes'*.

Mereka juga tidak bersetuju bahawa motivasi amat memainkan peranan yang penting dalam menentukan prestasi akademik kerana mereka pun tidak jelas matlamat mereka dan kenapa mereka belajar di sini serta arah tujuan mereka selepas belajar. Mereka berpendapat otak yang bijak atau '*Intelligent Quote'(IQ)* yang tinggi amat memainkan peranan dalam prestasi akademik yang tinggi dan bukannya motivasi.

Pengalaman sebenar pengkaji sendiri semasa membuat Ijazah Pertama di UUM terhadap teman sebilik pengkaji yang tidak terurus hidupnya sebagai seorang pelajar dengan selalu ponteng kelas dan tidak mempunyai motivasi dalam belajar tetapi mampu mendapat CGPA yang tinggi semasa tamat pengajian. Ini bermakna tidak semestinya pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi juga mempunyai prestasi akademik yang tinggi. Inilah yang menjadi perkara pokok kepada pengkaji mengapa pengkaji begitu berminat untuk mengkaji tajuk motivasi ini dan ingin melihat hubungannya dengan prestasi akademik. Tidak dapat dinafikan bahawa motivasi sememangnya amat memainkan peranan dalam menentukan prestasi akademik seseorang pelajar tetapi sejauh manakah hubungan antara kedua-duanya.

Dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan kepada tiga perkara dalam motivasi iaitu faktor dalaman, faktor luaran dan faktor persekitaran dan ingin melihat hubungannya dengan prestasi akademik.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuklah awam atau swasta mempunyai cara yang tersendiri dalam menyampaikan wadah ilmu kepada para pelajarnya. Ini berkaitan dengan cara pembelajaran dan pengajaran dilakukan oleh pensyarah di IPT berkenaan dan kemudahan yang mereka ada. Menurut Mohamed Tarikh (2001) cara pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan yang disediakan akan mempengaruhi motivasi seseorang pelajar seterusnya akademik pelajar itu sendiri. Ini kerana jika kaedah pengajaran yang sama digunakan membuatkan pelajar kurang bermotivasi untuk belajar. Menurut beliau lagi bahawa penekanan daripada aspek dalaman diri dari segi matlamat, emosi, keyakinan diri dan juga imej diri memainkan peranan dalam pembentukan seseorang individu untuk memandu mereka dengan mendapat pencapaian akademik yang tertinggi.

Kajian ini ingin melihat hubungan antara tiga faktor dan kaitannya dengan prestasi akademik. Tiga faktor itu ialah faktor dalaman, faktor luaran dan faktor persekitaran dan dikaitkan dengan prestasi akademik yang diukur melalui CGPA.

Faktor dalaman diri pelajar berkenaan dengan sikap, keyakinan diri, semangat, imej diri, emosi dan keazaman pelajar berkenaan menjadi kayu pengukur kepada prestasi akademik seseorang pelajar itu.

Faktor luaran juga merupakan salah satu aspek yang dikaji oleh pengkaji untuk melihat sejauh manakah keberkesanan faktor ini dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar itu. Perkara-perkara yang ingin dilihat oleh pengkaji ialah dari aspek dorongan keluarga, pensyarah dan rakan sebaya.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Faktor persekitaran iaitu merujuk kepada kemudahan dan suasana belajar dan adakah aspek ini menghalang pelajar untuk berjaya dengan lebih cemerlang.

Kajian ditumpukan kepada pelajar-pelajar semester akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Pelajar-pelajar ini telah melalui zaman pengajian yang panjang iaitu antara 5-7 semester dan aspek inilah yang pengkaji hendak kaji daripada segi motivasi belajar dan juga hubungannya dengan prestasi akademik .

## 1.3 Pernyataan masalah

Kajian ini memfokuskan kepada pelajar dan faktor-faktor yang boleh memberi sumbangan kepada motivasi mereka melalui penumpuan kepada tiga faktor yang ingin dikaji oleh pengkaji iaitu faktor dalaman, luaran dan persekitaran dan kaitannya dengan prestasi akademik. Pernyataan masalah dalam kajian ini ialah adakah pelajar yang mempunyai faktor dalaman, luaran dan persekitaran yang tinggi juga mempunyai prestasi akademik yang tinggi ?. Tumpuan kajian adalah kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal semester akhir sesi 1999/2000 (KUiTTHO). Faktor-faktor inilah yang ingin dikaji oleh pengkaji yang ingin tahu sejauh manakah ketiga-tiga faktor yang disebutkan itu dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar berkenaan.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.4 Objektif Kajian

Di antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

1) Untuk melihat hubungan antara komponen dalam faktor dalaman motivasi seperti sikap, azam , imej diri, keyakinan diri dan lain-lain dengan prestasi akademik.

2) Untuk melihat hubungan antara faktor luaran dan komponen-komponennya seperti dorongan daripada ibu-bapa, keluarga, pujian dan lain-lain memberikan kesan atau tidak kepada prestasi akademik seseorang pelajar.

3) Untuk melihat hubungan antara komponen dalam faktor persekitaran motivasi seperti tempat belajar, tempat tinggal dan suasana persekitaran dengan prestasi akademik .

## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dapat ditimbulkan di sini ialah:

1) Adakah wujud perhubungan antara faktor dalaman dengan prestasi akademik seseorang pelajar ?

2) Adakah wujud perhubungan antara faktor luaran dengan prestasi akademik seseorang pelajar?

3) Adakah wujud perhubungan antara faktor persekitaran dengan prestasi akademik seseorang pelajar?

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.6 Hipotesis

Hipotesis kajian yang terhasil daripada persoalan kajian adalah:

**Hipotesis Nul (Ho) Pertama:**

Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor dalaman pelajar dengan prestasi akademik pelajar..

**Hipotesis Nul (Ho) kedua:**

Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor luaran pelajar dengan prestasi akademik pelajar.

**Hipotesis Nul (Ho) ketiga:**

Tiada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor persekitaran pelajar dengan prestasi akademik pelajar.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Dengan membuat kajian terhadap pengaruh motivasi belajar dan kesannya terhadap prestasi akademik bagi pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal semester akhir, jadi kita sebagai pengkaji berkeyakinan dapat memperolehi dan menganalisa hasil dapatan yang dikemukakan. Hasil dari kajian ini diharapkan agar boleh dijadikan asas kepada pihak pentadbiran KUiTTHO dalam menilai program yang mereka laksanakan untuk meningkatkan motivasi pelajar-pelajar dengan mengambil kira perkara yang ditimbulkan oleh pengkaji.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada permasalahan daripada segi motivasi pelajar semester akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di KUiTTHO sesi 1999/2000 dengan penumpuan kepada faktor dalaman, luaran dan persekitaran . Kajian ini tidak ada kena mengena dengan kajian yang sedang dilakukan atau tidak sebelum ini.

## 1.9 Definisi Konseptual Dan Pengoperasian

### 1.9.1 Pengaruh:

Kamus Dewan (2000) telah mentakrifkan pengaruh bermaksud kebolehan yang dapat mengubah perangai (kepercayaan atau lain-lain).

Bagi tujuan kajian ini, pengaruh adalah merujuk kepada komponen-komponen yang ada dalam motivasi seperti faktor dalaman, faktor luaran dan persekitaran dapat mengubah seseorang pelajar untuk mendapat prestasi akademik yang baik.

### 1.9.2 Motivasi:

Robert J. Songgok (2000) telah mentakrifkan motivasi merupakan suatu perubahan tenaga di dalam diri seseorang yang ditandai dengan timbulnya afektif (perasaan) dan reaksi untuk mencapai tujuan manakala Habibah Elias (1997) mentakrifkan motivasi adalah satu bentuk dorongan dalaman yang dialami oleh manusia

PTTAUTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

untuk 'gerak' bagi membangkitkan dan mengarah tingkahlakunya ke arah sesuatu matlamat.

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji ingin melihat motivasi daripada tiga faktor iaitu faktor dalaman, luaran dan persekitaran serta hubungannya dengan prestasi akademik.

### 1.9.3 Kesan:

Asmady Idris (2000) telah mentakrifkan kesan adalah hasil yang diperolehi daripada perkara yang dilakukan.

Bagi tujuan kajian ini, kesan ialah hasil yang didapati daripada hubungan antara faktor dalaman, luaran dan persekitaran dengan prestasi akademik.

### 1.9.4 Prestasi:

Kamus Dewan (2000) mentakrifkan prestasi adalah pencapaian atau tahap keupayaan.

Bagi tujuan kajian ini, prestasi adalah merupakan pencapaian akademik yang diukur terhadap pelajar berdasarkan CGPA.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**RUJUKAN**


Abd. Halim al-Muhammadi (1991). '*Pendidikan Guru*'. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Absah Binti Mohd Yusof dan Nor Aziah Binti Azizan (1998). '*Meninjau Ciri-ciri Pelajar Sarjana Pendidikan yang Berpercapaian tinggi dan Berpercapaian Rendah dalam Pelajaran di Insititut Teknologi Tun Hussein Onn*'. ITTHO. Batu Pahat.

Admawati Binti Md. Adnan (2001). '*Tinjauan Ke atas Pola Nilai, Kepercayaan dan Motivasi Yang Dihayati Oleh Pelajar KUiTTHO* ': Tinjauan ke atas Pelajar semester pertama Diploma Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. KUiTTHO. Batu Pahat

Aiza Shairyna Mohd Amin (2000). '*Kemampuan Motivasi Luaran Dalam Membantu Kecemerlangan Akademik Pelajar*' : Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Tahun Tiga Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan CPA melebihi 3.00 di KUiTTHO. KUiTTHO. Batu Pahat.

Atan Long (1982). '*Psikologi pendidikan*'. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Asmady Idris (2000). '*Motivasi Kejayaan*'. Edisi pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Ashley, N. (1998). *Create your own happiness*. New York: Prentice Hall Press.


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Arwati Agus dan Riduan Mohd Sagir (1993).' *Semangat Kejayaan'*. Kuala Lumpur: Venton Publisher.

Bandura.A (1977). '*Psychology*' . New York: Keynes.

Bidin Yatim (2000).'Statistik Gunaan'. Kedah: Penerbit Sekolah Teknologi Maklumat Universiti Utara Malaysia.

Brophy and Good T.L (1990). *Educational psychology*. Edisi keempat. New York : Longman.

Carol Carter & Joyce Bishop & Sarah Lyman Kravits (1998).' *Keys to Effective Learning*'.1st edition. New York: Prentice Hall, Inc. page 1-25

Cates (1985). '*Research Methodology'*. San Diego California: Edit Publisher.

Cohen, Louis dan Marion, Lawrence (1994). '*Research Methods In Education'*. London : Route Ledge

David Perkins (1995).' *Smart Schools : Better Thinking and Learning for every Child*'. 1st Edition: A Division of Simon & Schuster, Inc.

Deobold, P.V.D (1995). '*Resarch Methodology in Business'*. London: Prentice Hall.

Ee Ah Meng (1994), '*Psikologi Dalam Bilik Darjah'*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd

Gibbs, N. (1995).'*The EQ factor'*: Time Magazine,146,(14).

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Goldstein, E.B (1994). *'Psychology'*. Edisi pertama. California: Brookcole Publishing Company.

Goleman, D.(1995).What's your emotional intelligence quotient? *Utne Reader*,Nov/Dec, 1995. (http//:trochim.human.cornell.edu)

Goleman, D.(1996) What's your emotional IQ? *Reader's Digest*, May, 17-20

Habibah Elias (1997). *'Motivasi Keluarga Bahagia'*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Hasan Hj. Mohd Ali (1996). *'Checklist Keluarga Bahagia'*. Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributor Sdn. Bhd dan Akademik Keluarga Bahagian Malaysia (ABIM).

Haris,J.R & Liebert,R.M (1991). *The Child*. 3rd edition. New Jersey: Prentice Hall

Hawkins,J.D. et al., (1992). *The seattle social development project: The prevention of antisocial behavior in children*.New York: Guillford.

Hon Leong,Toh (2000). *Rahsia pelajar cemerlang*. Edisi pertama.Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Hunter dan Youniss (1982). 'The Children Motivation'. London: Basill Blackwell Ltd

------'Kamus Dewan"(2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

------'Kamus Dewan"(1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Izham Shafie (1996). *'MS 1003: Statistik'*. UUM. Kedah: Penerbit Sekolah Teknologi Maklumat.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Krejie, R.V & Morgan, D.W (1981), '*Jadual Penetapan Sampel Kajian*".San Diego California: Edit Publisher.

Landell, k. (1997). ' *Management By Menu*'. London: Wiley and Sons Inc.

Lee, Shok Mee (1997). "*Psikologi Pendidikan 2 : Teori Dan Aplikasi Psikologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*". Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Locke. E (1956). '*Motivation*'. New York: Konpf Inc.

Mahya Mohemd Tarip @ Mohamed Tarikh (2001). '*Kajian Motivasi Ekstrinsik di antara pelajar lepasan Sijil dan Diploma Politeknik Jabatan Kejuruteraan Awam KUiTTHO*'. KUiTTHO. Batu Pahat.

Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir (2001)."*Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 For Windows*". Kuala Lumpur: Cetakan Pertama Venton Publishing.

Mohd Majid Konting (1990). ' Kaedah Penyelidikan Pendidikan'. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi;Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia.* Edisi pertama.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maznah Hamid (1994). '*Motivasi Memburu Kecemerlangan*'. Edisi Pertama Kuala Lumpur: Maznah Motivational Centre.

Mc Clelland, D.C dan rakan-rakan (1953). ' The Achievement Motive'. New York : Appelton Century Crofts.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan.* Edisi pertama.Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Yusof Arshad (1998). '*Kaedah penyelidikan pendidikan*'. Edisi pertama. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Nagendralingam dan Rakan-rakan (1996). "*Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah di Perak, Kedah dan Pulau Pinang*" . Kuala Lumpur: Pusat Dokumentasi.

Noraini Kaprawi (1996).'*Hubungan Program-Program Kualiti Kehidupan Bekerja Dengan Kepuasan Kerja Dan Penglibatan Kerja Bagi Pekerja-Pekerja Cabot: Tinjauan Di Cabot (Malaysia) Sdn Bhd, Port Dickson, Negeri Sembilan.*' Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Kajian Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan.

Noor Afizah Atan (2001). '*Persediaan pelajar-pelajar semester akhir Diploma Perakaunan di Politeknik terhadap spesifikasi pekerjaan di dalam profesion perakaunan*': Satu kajian kes. KUiTTHO. Batu Pahat.

Noorman Farid Bin Mohammad Noor (2001). '*Amalan Penggunaan Internet Di kalangan Pelajar Sarjana Muda Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*'. KUiTTHO. Batu Pahat. Johor

Padilah Hj. Ali (1994), "*Teknik Belajar untuk Kejayaan*".1st edition. Kuala Lumpur

Park,A. (1995). One Way to test your EQ. *Time Magazine*, October,146, (14)

Paul Eggen & Don Kauchak (1994). *Educational Psychology.* U.S: Macmillan College Publishing Company.


PTTAUTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (1983) *'Garis panduan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah'*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: Dewan Bahasa & Pustaka. Halaman 1-30

Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad, Kasnani Abd. Karim (2000). *"Psikologi Pendidikan II."*: Longman. Kuala Lumpur.

Robert J. Songgok (2000). *'Motivasi Dalam Belajar'*. http://www.home.talkcity.com/IvyHall/kaunselorsmkt/motivasi.html dicapai pada 10 Februari 2000.

Robert M.L dan Michael D.S (1994). *'The Idea of Higher Education'*. Buckhingham : Open University Press.

Rothstein (1990).'Motivation Theory'. London: Wiley and Sons Inc.

Saedah Siraj (1994)." *Motivasi Kendiri*". Kuala Lumpur: Syarikat Al Muslimah.

Skinner, B.F (1971). *'Beyond Freedom and Dignity'*. New York: Konpff Inc.

Sulaiman Ngah Razali (1996). *'Analisis data dalam penyelidikan pendidikan'*. Edisi pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Shaffer, D.R. (1996).' *Development psychology: Childhood and adolescence'* (4th ed.). Cole : Brooks.

Sujaidi Dasuki. (2001). *Majalah Ekonomi: Malas Suatu Kecacatan Profesional*. Kuala Lumpur : Utusan Publications.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Tengku Asmadi Tengku Mohamad (2000). '*Strategi cemerlang peperiksaan*'. drasmadi@laman-map.com

Thomas L. Good & Jere E. Brophy (1990). "*Educational Psychology*." A Realistic Approach: Longman

Trigwell, K. Prosser, M (1991). Improving the quality of student learning. Journal of higher education.hlm.251-256

Urusetia Kaunselor Rakan Sebaya (2000). '*Towards Three Pointer*' *:* Tinjauan terhadap pelajar > 3.00 di Kolej Mas, Universiti Utara Malaysia. Sintok: Pusat Kaunseling Dan Kerjaya.

Vroom. V (1964). '*Motivation Theory*'. London: Cassel Educational Ltd.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH